



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (74) 02/11

MENTERI PERTAHANAN SEMPURNAKAN MAJLIS PENGHANTARAN KUMPULAN PERTAMA MALAYSIAN BATTALION (MALBATT) 850-12 KE LUBNAN

1. **SUBANG, 6 November 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis Penghantaran Kumpulan Pertama Malaysian Battalion (MALBATT) 850-12 di 16 Skuadron, Pangkalan Udara Subang, hari ini.
2. Berlangsung semasa majlis adalah Upacara Pemakaian Beret Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Kontinjen MALBATT 850-12 UNIFIL dan Majlis Penyerahan Bendera Malaysia kepada Komander MALBATT 850-12, Kolonel Johan Effendi bin Hj Mohd Shalleh.
3. Majlis ini adalah merupakan simbolik kepada penugasan Kontinjen MALBATT 850-12 sebelum berangkat ke Lubnan. Turut terlibat adalah wakil ketiga-tiga perkhidmatan, wakil Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), wakil anggota wanita dan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
4. MALBATT 850-12 berkekuatan seramai **854 anggota** terdiri daripada **82 pegawai** dan **772 anggota LLP** termasuk **3 pegawai** dan **27 anggota** dari ABDB serta **seorang Pegawai Kewangan Awam** dari Kementerian Pertahanan.
5. Pegawai dan anggota MALBATT 850-12 adalah antara yang terpilih dan telah bersiap sedia menggalas segala tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pasukan Malaysia di bawah UNIFIL. Mereka telah menjalani **latihan khusus selama 3 bulan** yang merangkumi **sebulan Latihan Satu Perkhidmatan** dan **dua bulan latihan integrasi atau Force Integration Training (FIT)** di bawah kawal selia Markas Angkatan Bersama bertempat di MALBATT Village, Port Dickson, Negeri Sembilan.
6. Atur gerak Kontinjen MALBATT 850-12 akan dilaksanakan secara berperingkat dengan kekuatan **kumpulan pertama seramai 220 pegawai dan anggota LLP**. Pergerakan penerbangan akan menggunakan **pesawat BATIK AIR** melibatkan penghantaran Kontinjen MALBATT 850-12 dan membawa pulang Kontinjen MALBATT 850-11 yang telah berkhidmat selama 12 bulan.

7. Pertukaran pasukan ini adalah kerana tempoh bertugas bagi Kontinjen MALBATT 850-11 telah tamat dan memerlukan penggantian Kontinjen MALBATT 850-12. Pertukaran ini juga adalah berdasarkan kepada ketetapan Force Commander Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) melibatkan semua negara yang menyertai UNIFIL.
8. Hadir bersama adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim bin Ali; Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Zulhelmy bin Ithnain; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM; Ketua Staf Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad; Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Zahani bin Hj Zainal Abidin TUDM; Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
6 November 2024 (3.30 ptg)**